

Jiwa pembuangan jadi warisan

u.m
16
7/11/90
191
SJM
01

KETIKA mempengerusikan Majlis Gerakan Negara (Mageran) selepas berlakunya kemelut berdarah 13 Mei 1969, Tun Razak Hussein bukan sekali memandang anak muda bernama Abdullah Ahmad Badawi yang ketika itu menjadi Ketua Penolong Setiausaha Mageran, walaupun usia mereka berdua berbeza 17 tahun.

Mungkinkah terdetik di hati Tun Razak yang berusia 47 tahun ketika itu, anak muda yang dikenali sebagai Pak Lah kini akan mengikuti jejak pemikiran politiknya kerana Mageran melatih pengurusan krisis politik peringkat tertinggi?

“Terlalu banyak persamaan di antara Abdullah dan Tun Razak khususnya dari segi memperkukuhkan institusi awam, selain menggerakkan ekonomi yang bermatlamatkan perpaduan antara kaum,” kata Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Aziz, Timbalan Pengarah Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Universiti Utara Malaysia (UUM).

Tun Razak tidak menggunakan kaedah provokasi mahupun konfrontasi dalam mengurus krisis politik, sebaliknya beliau mengkaji punca, menetapkan dasar dan mengatur strategi ke arah mencapai matlamat berkenaan.

Abdullah sendiri ketika merasmikan Menera Yayasan Tun Razak baru-baru ini turut mengakui betapa kesan kebijaksanaan Perdana Menteri kedua itu mengalir dalam dirinya.

“Sebagai seorang pegawai awam yang berkhidmat di bawahnya, saya sendiri dapat mempelajari banyak perkara daripadanya dan pengalaman yang saya dapat itu menjadi panduan dan pedoman dalam melaksanakan tugas. Saya juga dapat mempelajari kaedah pengurusan yang diamalkan yang bersifat tegas dan tepat dalam membuat keputusan tanpa melengah-lengahkan pelaksanaannya,” katanya.

Barangkali inilah sebabnya Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin menganjurkan Legasi Tun Razak bertempat di Pusat Konvensyen Sime Darby yang berakhir hari ini. Seminar itu tentu bukan sahaja untuk menghayati perjuangan Tun Razak, tetapi juga mampu mendekatkan kefahaman orang ramai terhadap Abdullah dan Tun Razak.

Cara bekerja Tun Razak juga luar biasa.



TUN Abdul Razak sentiasa mendampingi rakyat untuk memastikan mereka menikmati arus pembangunan.

Tanpa ada waktu rehat secukupnya, beliau terus bekerja kuat mengajak rakyat dalam satu *alignment* yang berorientasikan kemajuan, perpaduan dan mengurangkan minat politik kepartian totok yang mula melanda rakyat negara ini.

Parti politik seperti Pas yang berada di luar Perikatan diajak bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan untuk memajukan negara ini, maka Pas bernaung di bawah Barisan Nasional (BN) pada 1 Januari 1973; Pada Februari 1972, Tun Razak mengajak Gerakan untuk membentuk kerajaan campuran, sekali gus meletakkan Pulau Pinang dalam barisan yang sama; Parti Progresif Rakyat (PPP) turut dijemput bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan dalam memerintah Perak pada 1 Mei 1972; Sebelum itu, pada 7 Julai 1970, Tun Razak atas inisiatifnya berjaya mengajak Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) membentuk kerajaan campuran.

Dengan kerjasama yang sangat erat, rakyat negara ini pada waktu itu tidak terlalu tergo-

da dengan politik kepartian, tetapi lebih menumpukan kepada agenda kemajuan dan perpaduan dalam menghirup nikmat kemerdekaan negara.

Keputusan pilihan raya umum 24 Ogos 1974 jelas menunjukkan kebijaksanaan Tun Razak kerana pada waktu itulah orang Melayu nyaris semua bersatu. UMNO memenangi semua 61 kerusi yang dipertandingkan dan begitu juga Pas yang bertanding atas tiket Barisan Nasional turut memenangi keempat belas kerusi Dewan Rakyat.

Menariknya hanya 19 sahaja kerusi yang jatuh ke pihak pembangkang dalam 154 kerusi yang dipertandingkan ketika itu. Jika dibandingkan dengan pilihan raya yang dihadapi Abdullah pada 21 Mac 2004, BN kalah 20 sahaja.

Dari satu segi, kelihatan zaman Abdullah kurang elok sedikit berbanding dengan zaman Tun Razak tetapi secara menyeluruh, pilihan raya 2004 lebih tinggi peratus kemangannya kepada Barisan Nasional.

Jika pada 1974 itu UMNO memenangi semua kerusi yang dipertandingkan, namun pada 2004 UMNO memenangi kerusi sebanyak 110 iaitu mencukupi untuk membentuk kerajaan dengan majoriti mudah, satu petanda sokongan orang Melayu dan kaum lain kepada kepemimpinan Abdullah.

Walaupun tidak mungkin untuk menjadikan Abdullah dan Tun Razak sebagai pelanduk-dua serupa dari segi personaliti, kedua-duanya memiliki ciri sepunya iaitu berusaha memajukan kawasan luar bandar, sebagai teras kemajuan negara secara keseluruhan.

Jika Tun Razak memperkenalkan 'buku merah' dalam memantau pembangunan yang dirancangkan, Abdullah turut mengajak rakyat untuk bersama-sama menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Jika Tun Razak memperkenalkan 'buku hijau' bagi memajukan pertanian di negara ini serta memperkenalkan pembukaan tanah baru seperti Kesedar, Felda, Felcra, Segi Tiga Jengka, Abdullah turut memberikan keutamaan kepada pertanian dan industri asas tani.

Personaliti

Tun Razak secara personalitinya adalah seorang pendiam dan introvert, ciri yang hampir sama dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad, tetapi Tun Razak tidak mengamalkan kaedah konfrontasi tetapi lebih mengutamakan kepada rundingan atau musyawarah.

Ciri ini lebih mendekati kepada cara Abdullah dalam menangani sebarang isu yang timbul, walaupun Perdana Menteri sekarang ini dikatakan lebih kepada ciri ekstrovert, iaitu seseorang yang cenderung kepada aktiviti berbentuk sosial.

Walaupun diajak berkali-kali untuk berkonfrontasi dengan sesiapa, termasuk dengan bekas Perdana Menteri, Abdullah masih lagi mampu mengekalkan cara diplomasi dan tidak tergopoh untuk melancarkan serangan balas.

Inilah sebabnya beliau berulang-ulang kali menyatakan hasrat rakyat untuk menjayakan agenda pembangunan melalui RMK-9, bukan untuk melihat pemimpin bergaduh sesama sendiri.

Seorang rakan Tun Razak, Tun Raja Mohar Raja Badiozaman dalam satu temu bual dalam sebuah akhbar pernah menceritakan

Tun Razak adalah seorang yang cenderung mengatasi masalah dengan cepat.

"Dia mahu pantas. Kalau ada apa-apa, dia panggilkan pegawai, apa masalah, dia tanya kalau masalah kewangan atau mengapa tanah tidak dapat. Kalau dia jumpa MB (Menteri Besar), dia tanya kenapa projek masih tak dapat kelulusan negeri," kata Raja Mohar.

Jika kita perhatikan sekarang, Abdullah juga banyak menggunakan pendekatan ini, iaitu bertanya terus dengan menteri, tidak 'terlalu' menggunakan pendekatan surat-menyurat.

Ini menyebabkan hampir semua menteri Kabinet selalu berwaspada dan bersiap sedia dengan jawapan kerana panggilan telefon tiba-tiba daripada Perdana Menteri atau bersemuka dengan Abdullah, apa lagi jika Kementerian itu banyak memberi masalah kepada masyarakat.

Kelebihan yang ada pada Tun Razak walaupun nampak pendiam ialah ketegasannya dalam usaha menjayakan sesuatu matlamat, yang hampir sama ciri yang ada kepada Abdullah.

Kebijaksanaan Tun Razak juga ialah mampu melancarkan beberapa program pembangunan tanpa mendapat bantahan majoriti rakyat, termasuk revolusi DEB.

Hampir tidak ada rakyat negara ini yang tidak mendapat limpahan DEB bukan sahaja di kalangan bumiputera, tetapi juga kepada kaum Cina dan India sehingga setakat ini, peristiwa berdarah 13 Mei tidak berulang.

Semangat DEB mengalir dalam darah Abdullah dan beliau sempat melihat bagaimana Tun Razak melancarkan DEB, dan bagaimana menjayakannya, walaupun Perdana Menteri kedua itu tidak sempat melihat dengan mata kepalanya sekurang-kurangnya jurang di antara kaum tidak selebar ketika 1969.

Oleh itu, mendalami Tun Razak akan mendekatkan seseorang memahami Abdullah dan sesungguhnya memahami Perdana Menteri penting kepada semua orang, bukan hanya kepada Pemuda UMNO yang menganjurkan seminar legasi itu tetapi kepada pentadbir dan rakyat jelata.

□ **PENULIS** ialah pelajar Sarjana Sains Politik di Fakulti Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM).